



**BADAN KEBAJIKAN ISLAM & PERUBATAN
HOSPITAL SUNGAI SIPUT
JALAN FELDA LASAH
31100 SUNGAI SIPUT (U)
PERAK DARUL RIDZUAN**

Ruj. Kami: Bil(87)dlm.HSS.PK.009/15 Jld. 2

Tarikh : 10 Ramadhan 1438H / 05 Jun 2017

Tuan/Puan

**MEMPELAWA MENJADI AHLI BADAN KEBAJIKAN ISLAM PERUBATAN (BAKIP)
HOSPITAL SUNGAI SIPUT**

Adalah dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan Badan Kebajikan Islam Perubatan (BAKIP) Hospital Sungai Siput mempelawa semua kakitangan muslimin-muslimat Hospital Sungai Siput untuk menjadi ahli BAKIP disamping itu anggota Klinik Kesihatan Sungai Siput juga dijemput menjadi ahli bersekutu BAKIP. Kemudahan yang akan diperolehi jika menjadi ahli BAKIP adalah seperti berikut:

- 2.1 . Menerima sumbangan khairat kematian untuk ahli dan keluarga (sila maklumkan kepada setiausaha BAKIP jika berlaku kematian).
- 2.2 . Menghadiri semua aktiviti BAKIP tanpa bayaran (seperti kuliah bulanan).
- 2.3 . Sumbangan kepada anak-anak ahli yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan (UPSR, PMR, SPM, STPM).
- 2.4 . Mendapatkan sumbangan untuk mengisi tabung BAKIP.
- 2.5 . Memberi cenderahati bagi ahli-ahli yang bertukar/bersara.
- 2.6 . Memberi saguhati/cenderahati kepada ahli yang masuk wad.
- 2.7 . Memberi cenderahati sempena hari lahir kepada ahli BAKIP.

3. Adalah diharapkan perkara ini akan mendapat kerjasama dari semua pihak demi kebajikan bersama.

4. Bersama-sama ini disertakan borang keahlian BAKIP untuk dipenuhi oleh mereka yang berminat.

Sekian, terima kasih,

'ISLAM MEMBANGUN UMMAH'

Saya yang menurut perintah,

.....
(**AHMAD RASHIDI BIN HUSSAIN**)

Yang Dipertua
Badan Kebajikan Islam Perubatan
Hospital Sungai Siput (U)
Perak Darul Ridzuan

IKRAR / PENGAKUAN

Bahawasanya saya dan alamat seperti borang ini mengaku dan berikrar bahawa :

- a. Segala keterangan yang diberikan adalah benar.
- b. Saya bersedia menerima dan mematuhi segala syarat-syarat keahlian seperti yang terkandung dalam peruntukan perlembagaan dan undang-undang kecil perlembagaan.
- c. Saya bersedia bekerja kerana ALLAH S.W.T untuk kemajuan agama Islam.
- d. Saya bersedia memberi sokongan kewangan, tenaga dan fikiran dalam usaha mencapai tujuan-tujuan Badan Kebajikan Islam Perubatan Hospital Sungai Siput.
- e. Bersama-sama ini disertakan :

1. BAYARAN PENDAFTARAN	RM 3
2. YURAN BULANAN Jan-Dis	RM 1/bulan
3. YURAN BAGI SETAHUN	RM 12
4. DERMA IKHLAS	RM.....

JUMLAH : RM.....

.....
(
Nama & Tandatangan Pemohon)

Tarikh :